



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
لوتنورسیتی قندیدیقن سلطان ادریس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY



MEMO

PEJABAT TIMBALAN NAIB
CANSELOR
(PENYELIDIKAN & INOVASI)

Tel : 05 – 4506666 / 6556 / 6776

Faks : 05 – 4583743

Kepada : YBhg. Prof. Madya Dr. Suriani Abu Bakar
Pengarah, Pejabat Karang-Mengarang

Daripada : Peg. Khas, Pej. Timb. Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Ruj. Kami : UPSI/TNC(PI)/600 Jld 7 (45)

Tarikh : 16 NOVEMBER 2017
27 SAFAR 1439H

LANTIKAN SEBAGAI URUSETIA BAGI BENGKEL PENULISAN DAN PENERBITAN ARTIKEL JURNAL UPSI

Dengan segala hormatnya, izinkan saya menjemput perhatian YBhg. Prof. Madya Dr. mengenai perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa, hasil dari Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 19/2017 yang telah berlangsung pada 01 November 2017 (Rabu) jam 9.00 pagi bertempat di Bilik Mesyuarat BC2-7, Canselori telah memutuskan perkara-perkara berikut:

Perkara 7.2 Cadangan Siri Bengkel Penulisan dan Penerbitan Artikel Jurnal UPSI

Mesyuarat:

7.2.3 bersetuju meluluskan penganjuran siri Bengkel Penulisan dan Penerbitan Artikel Jurnal di UPSI pada 20-22 November 2017 di hotel sekitar Kuala Lumpur atau Putrajaya dengan kos sebanyak RM50,700.00 dengan menggunakan peruntukan Akaun Amanah MyRA;

7.2.4 bersetuju agar pihak urusetia bengkel dikenalpasti dan dilantik oleh TNC PI bagi memastikan matlamat penganjurannya tercapai.

3. Sehubungan itu, YBhg. Dato' Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) telah mengambil maklum berkenaan perkara ini, dan **Pejabat Karang-Mengarang telah dipilih untuk menjadi urusetia bagi bengkel seperti yang dinyatakan di atas.** Segala perhatian dan kerjasama daripada pihak YBhg. Prof. Madya Dr. berhubung perkara ini amatlah dihargai dan disanjung tinggi, serta didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KOMITED MEMBAWA PERUBAHAN DALAM PENDIDIKAN”

Saya yang menurut perintah,



(MOHD FADHLI BIN ROSLI)

b.p. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

s.k. Pengarah, RMIC
Timbalan Pendaftar, RMIC
Fail

TNC(PI)/mfr

